

Kontraktor timbun tanah sungai tutup longkang penduduk

SHAH ALAM: Tindakan tidak bertanggungjawab kontraktor sebuah syarikat hartanah terkemuka menimbunkan tanah sungai menyebabkan sebahagian penduduk Kampung Sungai Kandis terpaksa berdepan masalah longkang tersumbat.

Malah, penduduk juga terpaksa berdepan masalah debu, selain terpaksa menjamu mata dengan pemandangan kurang enak setiap hari.

Penduduk, Nor Suliza Subikin, 23, berkata sejak tiga minggu lalu kawasan perumahan mereka dilonggokkan tanah sungai seperti tanah liat menyebabkan aliran air

longkang tersumbat.

Katanya, tanah liat itu bukan saja menimbus longkang malah turut menyaksikan hampir separuh tiang elektrik di situ terbenam.

"Laluan air tersekat disebabkan semakin banyak longgokan tanah di situ. Apabila hujan, kami berdepan masalah selut yang mengalir ke kawasan rumah serta membuatkan longkang semakin teruk tersumbat.

"Apabila hujan, kami semua tidak dapat tidur lena kerana memikirkan tanah yang dilonggokkan itu akan rebak dan menyebabkan banjir berikutan air tidak dapat mengalir dengan betul," katanya

ketika ditemui semalam.

Nor Suliza berkata, masalah mereka bermula apabila syarikat hartanah terkemuka itu membersihkan kawasan berhampiran bagi membina projek perumahan baru.

Berikutan kawasan projek ada longgokan tanah liat yang perlu diratakan, syarikat itu mengambil jalan mudah dengan memindahkan longgokan tanah ke kawasan perumahan mereka.

Katanya, tanah liat yang berlonggok di kawasan pembinaan projek itu sebenarnya sudah empat tahun dilonggokkan dan dibiarkan begitu saja.

"Kami pernah menemui wakil

kontraktor berkenaan dan berbin-cang mengenainya. Kami hanya meminta mereka merendahkan longgokan tanah mengikut piawaian.

"Namun, mereka memberikan alasan kos yang tinggi terpaksa ditanggung jika mereka merendahkan dan mengalihkan longgokan tanah itu ke tempat lain," katanya.

Nor Suliza berkata, mereka sudah membuat aduan mengenai perkara itu kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Pejabat Tanah Daerah (PTD) Klang serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Katanya, kegiatan melonggok tanah di situ terhenti seketika selepas

MBSA datang membuat pemeriksaan tetapi ia kembali aktif kebelakangan ini.

"PTD Klang menyatakan ada permit dikeluarkan bagi kerja melonggokkan tanah di situ tetapi kami masih tidak berpuas hati dengan jawapan ini.

"Suami saya yang bekerja dengan pihak berkuasa tempatan pergi memeriksa mengenai permit itu dan terkejut selepas mendapati tiada permit dikeluarkan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Korporat MBSA, Shahrin Ahmad, ketika dihubungi berkata, MBSA akan sekali lagi menyemak perkara itu.